



1. JAWATAN	: TEKNISYEN KAPAL TINGKAT I
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: IV
TANGGAGAJI	: D.4-5 EB.6 (\$1,225 - \$1,785 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 5 atau sebanding dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Teknisyen Kapal Tingkat II tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- b) Mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 6 atau sebanding dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Teknisyen Kapal Tingkat II tidak kurang dari 4 tahun.
2. Berpengalaman tentang kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan injin-injin disel kapal yang mempunyai kuasa dorongan sehingga 1500 kilowatts.
3. Boleh menulis laporan-laporan dengan baik seperti kerosakan, pembaikan, pesanan dan kakitangan.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



LAIN-LAIN SYARAT:

1. Selepas menjalani satu tempoh perkhidmatan yang dikehendaki, Teknisyen Kapal Tingkat I yang layak akan diarahkan untuk mengikuti kursus latihan bagi membolehkan mereka menduduki peperiksaan untuk mendapatkan Sijil Kecekapan Pegawai Jurutera Laut Kelas 4.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TEKNISYEN KAPAL TINGKAT I:

1. Bertugas selaku Ketua Teknisyen di kapal-kapal yang tenaganya tidak lebih dari 1500 kilowatts atau selaku Teknisyen kedua di kapal-kapal yang bertenaga injin melebihi 1500 kilowatts.